



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 10 Oktober 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



KEADAAN di sebuah stesen minyak di Padang Besar, Perlis selepas pelaksanaan inisiatif Budi Madani RON95 (BUDI95). - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

Inisiatif BUDI95 atasi ketirisan, seludup petrol

Oleh ASYRAF MUHAMMAD
utusannews@mediamulia.com.my

KANGAR: Isu ketirisan dan penyeludupan petrol bersubsidi khususnya di negeri bersempadan Thailand dapat dikawal menerusi pelaksanaan Sistem Kawalan Petrol Bersubsidi (SKPS) serta inisiatif Budi Madani RON95 (BUDI95).

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) negeri, Rohaida Hassan berkata, berdasarkan statistik sejak awal tahun ini sehingga September, hanya 13 kes penyeludupan petrol direkodkan di negeri ini manakala diesel pula sebanyak lima kes.

Katanya, nilai rampasan secara keseluruhan bagi kes penyeludupan petrol dan diesel direkodkan berjumlah RM12,236.40 bagi tempoh sama.

"Menerusi pelaksanaan inisiatif berkenaan, saya percaya isu seludup petrol atau masalah ke-

tirisan bahan api itu akan terus berkurangan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Baru-baru ini akhbar ini melaporkan, harga petrol di Malaysia yang jauh lebih murah berbanding Thailand menyebabkan rakyat negara itu masuk ke negeri ini untuk mendapatkan bahan api tersebut.

Ketika ini, harga petrol tanpa subsidi di sini ditetapkan pada kadar RM2.60 seliter jauh lebih rendah berbanding Thailand iaitu sekitar 40.94 baht atau RM5.35 seliter bagi jenis Benzine 95, gred sama dengan RON95 di Malaysia.

Keseluruhan rakyat Malaysia yang layak kini mula menikmati harga petrol RON95 pada harga RM1.99 seliter berbanding harga semasa RM2.60 selepas kerajaan memperuntukkan kelayakan subsidi 300 liter sebulan untuk seorang.

Rohaida berkata, menerusi pelaksanaan itu, pihaknya akan

memberi penumpuan terhadap beberapa aspek antaranya dengan melihat sebarang kelompokan terhadap pelaksanaan sistem tersebut termasuk penggunaan *fleet card* buat syarikat pengangkutan awam darat.

Katanya, dalam masa sama, KPDN negeri juga akan memantau isu penyalahgunaan kad pengenalan di samping memastikan hanya kenderaan bernombor pendaftaran tempatan sahaja boleh membuat pengisian petrol RON95.

Katanya, kenderaan asing pula perlu menggunakan RON97.

"Bagi pelaksanaan SKPS dan BUDI95 ini, KPDN negeri juga telah mengarahkan pegawai dan anggota penguatkuasa melakukan pemantauan di lapangan termasuk stesen-stesen minyak. Bagi KPDN negeri, fokus kita adalah terhadap pelaksanaan SKPS membabitkan syarikat-syarikat pengangkutan awam darat ini," katanya.

Cubaan seludup 40 tong jerikin 1,000l diesel gagal

Rantau Panjang: Pasukan Gerakan Am (PGA) menggagalkan kegiatan penyeludupan diesel selepas merampas 40 tong jerikin mengandungi 1,000 liter diesel dipercayai untuk diseludup ke Thailand.

Bekalan diesel itu dirampas Batalion 7 di Kampung Dangar, di sini, kelmarin.

Pemangku Komander Briged Tenggara PGA, Asisten Komisyoner Ijid Landu Binju berkata, rampasan dibuat selepas pihaknya menahan sebuah kenderaan pacuan empat roda.

“Suspek yang juga pemandu kenderaan melarikan diri meninggalkan kenderaan di tepi jalan.

“Hasil pemeriksaan mendapati 40 tong jerikin berisi diesel angga-

ran 1,000 liter berada dalam

kenderaan berkenaan dipercayai untuk diseludup ke Thailand.

“Anggaran rampasan bernilai RM42,900

termasuk kenderaan dan diserahkan kepada KPDN Pasir Mas untuk tindakan lanjut,” katanya.

Jelasnya, kes disiasat bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.

“
**Anggaran
rampasan bernilai
RM42,900
termasuk
kenderaan**
Ijid Landu

1,000 liter diesel gagal diseludup ke Thailand

PASIR MAS - Pasukan Gerakan Am (PGA) menggagalkan cubaan menyeludup 1,000 liter diesel selepas menahan sebuah pacuan empat roda di Kampung Dangar di sini pada Rabu.

Dalam serbuan jam 9 pagi itu, pemandu bertindak melarikan diri sebaik sahaja kenderaan tersebut cuba ditahan.

Pemangku Komander Briged Tenggara, Asisten Komisioner Ijid Landu Binju berkata, hasil pemeriksaan menjumpai 40 tong jerikin mengandungi minyak diesel anggaran 1,000 liter berada

dalam kenderaan tersebut.

"Minyak diesel ini disyaki untuk diseludup ke Thailand," katanya kepada pemberita pada Khamis.

Menurut beliau, anggaran rampasan keseluruhan bernilai RM42,900 termasuk kenderaan.

Ujarnya, kes diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Cawangan Pasir Mas untuk tindakan lanjut.

Tambah beliau, kes disiasat bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.

傅芝雅：獲熱烈響應 3141 商家提供「愛心菜單」

（吉隆坡9日讯）国内贸易及生活费部副部长拿督傅芝雅指出，截至10月份，全国共有3141家注册商家提供“爱心菜单”（Menu Rahmah）餐点，以协助减轻人民的生活负担。

她说，这项于2023年1月在该部“爱心伞”议程下推行的计划，自推出以来持续获得业界的热烈响应。

“在全国餐饮业者的支持下，国内贸易及生活费部相信，爱心菜单将继续成为国人寻找健康、均衡又实惠餐点的首选。”

傅芝雅昨日出席大马穆斯林餐馆业者协会第21届代表大会时，这么指出。

她赞扬大马穆斯林餐馆业者协会对爱心菜单计划的投入，并指出该协会已签署意向书，成为爱心菜单的业界合作伙伴。

“这显示餐饮业者并非只追求利润，也关心人民的福祉。”



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kos sara hidup jadi tumpuan

- Kediaman murah, pengurangan cukai menjadi antara fokus 34 juta rakyat
- Orang ramai harap Belanjawan 2026 lebih 'mesra' golongan M40

Oleh HASLIZA NUSI dan SAFINA RAMLI

GEORGE TOWN - Kos sara hidup, harga rumah mampu milik dan pengurangan cukai menjadi antara tumpuan sebahagian besar 34 juta rakyat negara ini menerusi Belanjawan 2026 yang akan dibentangkan hari ini.

Rata-rata penduduk Malaysia berharap intipati belanjawan di bawah Kerajaan Madani itu

menumpukan kepada langkah-langkah konkrit berhubung ketiga-tiga perkara tersebut yang semakin membelenggu terutama golongan B40 dan M40.

Ejen Insurans, M. Sethu, 43, berkata, bantuan dan insentif yang diberikan tidak seharusnya memfokuskan golongan B40 semata-mata, sebaliknya turut mengambil kira beban ditanggung isi rumah kumpulan M40.

►BERSAMBUNG DI MUKA 2

Belanjawan 2026
MALAYSIA MADANI

LANGKAH pengurangan kos sara hidup menjadi antara fokus intipati Belanjawan 2026 yang akan dibentangkan hari ini. - AIN SAFRE BIDIN





Call to ease rising costs without compromising fiscal stability

■ BY IKHWAN ZULKAFLEE
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: As Malaysia prepares for the tabling of Budget 2026, industry leaders are calling for a balanced approach that eases the rising cost of living without compromising long-term fiscal stability.

IOI Communications CEO Yan Lim said inflation continues to squeeze household budgets, and while short-term measures such as direct cash aid under programmes like MyKasih are necessary, they are not sufficient on their own.

"Budget 2026 must strike a balance between helping households cope with immediate cost-of-living pressures while safeguarding Malaysia's fiscal health," she told *theSun*.

Lim highlighted unchecked inflation of essential goods as a key concern, stressing the need for stronger market oversight.

She also urged the government to ensure consistency in policy communication, pointing to the recent revision of the Sales and Service Tax (SST) framework.

"As seen in the recent SST revision, changes were announced and later adjusted following public feedback, leaving both businesses and consumers uncertain."

She added that Budget 2026 must also address the challenges faced by small and medium-sized enterprises (SME), which she described as the "backbone of Malaysia's economy".

"SME are grappling with higher input costs, wage pressures and shifting regulations – all of which threaten cash flow and stifle growth."

"Supporting them through targeted tax incentives, affordable financing and simplified compliance processes will help them stay competitive, create jobs and drive the economy," she said.

Ride-hailing firm Bolt Malaysia general manager Afzan Lutfi echoed similar concerns, particularly for gig workers and everyday consumers.

"The rising cost of living is something we see up close every day through our driver-partners working hard to support their families and passengers stretching their budgets. These are not abstract issues, they shape real choices daily," he said.





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 10 OKTOBER 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
10-Oct	PGA rampas 40 tong berisi 1,000 liter diesel cuba diseludup ke Thailand	https://www.buletintv3.my/nasional/pga-rampas-40-tong-berisi-1000-liter-diesel-cuba-diseludup-ke-thailand/	TV3
10-Oct	40 tong berisi 1,000 liter diesel gagal diseludup ke Thailand	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/10/1273309/40-tong-berisi-1000-liter-diesel-	HARIAN METRO
10-Oct	Penyeludup lari tinggalkan 1,000 liter diesel elak ditahan	https://www.utusan.com.my/berita/2025/10/penyeludup-lari-tinggalkan-1000-liter-	UTUSAN
10-Oct	3,141 premis tawar Menu Rahmah di seluruh negara - Fuziah	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/3141-premis-tawar-menu-rahmah-di-seluruh-negara-fuziah-	ASTRO AWANI
10-Oct	3,141 premis tawar Menu Rahmah seluruh negara – Fuziah	https://www.mediatelus.com/detail/11792	MEDIA TELUS
10-Oct	Dua warga asing ditahan jual ubat tanpa kelulusan, pakaian tiruan	https://www.buletintv3.my/nasional/dua-warga-asing-ditahan-jual-ubat-tanpa-kelulusan-pakaian-tiruan/	TV3
10-Oct	Sindiket jual ubat haram sasar peniaga pasar malam	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/10/1273524/sindiket-jual-ubat-haram-sasar-peniaga-pasar-	HARIAN METRO
10-Oct	Sindiket jual ubat haram sasar peniaga pasar malam	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/10/1273524/sindiket-jual-ubat-haram-sasar-peniaga-pasar-	HARIAN METRO

10-Oct	Polis tahan dua lelaki warga asing, rampas ubat tidak lulus dan pakaian tiruan	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-tahan-dua-lelaki-warga-asing-rampas-ubat-tidak-lulus-dan-pakaian-tiruan-542161	ASTRO AWANI
10-Oct	2 lelaki ditahan jual ubat tiada kelulusan KKM, baju tiruan RM309,866	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/10/1456342/2-lelaki-ditahan-jual-ubat-tiada-kelulusan-kkm-baju-tiruan-rm309866	BERITA HARIAN